

**SEDUTAN UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI
DI MAJLIS PELANCARAN PORTAL AGRIBAZAAR DI PALM GARDEN HOTEL,
IOI RESORT, PUTRAJAYA
25 JUN 2004**

YAB Perdana Menteri Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia memiliki pelbagai khazanah tani yang dapat digunakan untuk keperluan rakyat dan seterusnya sebagai satu sumber eksport penting kepada negara. Beliau menegaskan bahawa kekayaan sektor pertanian di negara ini dapat dikembangkan dengan perkembangan sains dan teknologi. Untuk itu, Perdana Menteri menghargai sumbangan saintis tempatan atas kejayaan mereka menghasilkan pelbagai produk daripada barangan tani seperti kelapa sawit dan getah.

Beliau mahu usaha inovasi begini dapat dipertingkatkan agar memberi pulangan yang lebih baik kepada petani dan seterusnya negara. Abdullah turut memberi contoh, kejayaan sebuah universiti tempatan yang menemui khasiat daripada dedak yang hanya diketahui umum sebagai makanan kepada ayam.

Perdana Menteri juga meminta semua pihak supaya menguasai ilmu bio-teknologi dalam usaha memajukan bidang pertanian. Beliau mahu agar golongan petani menjadi usahawan, dan bukan sekadar bercucuk tanam, sebagai tambahan kepada sumber pendapatan mereka. "Saya mahu anda semua tidak lagi anggap yang jika kita terlibat dalam bidang pertanian, kita tidak boleh jadi kaya," katanya sambil memberi contoh menternak ikan juga dapat menjadikan seseorang petani itu berjaya jika dapat dilakukan dengan baik.

Abdullah berkata, selain menumpu perhatian kepada meningkatkan mutu hasil tani, usaha juga perlu diberikan kepada aspek pemasaran. Produk tani yang bermutu dengan strategi pemasaran yang berkesan, mampu menjadikan seseorang petani itu berjaya.

Sehubungan itu, beliau berkata, portal Agribazaar ini adalah amat bertepatan dengan keperluan cabaran petani masa kini kerana melalui internet, seseorang itu dapat memperolehi maklumat yang diperlukan dalam memasarkan produknya. Portal yang kini mempunyai 1,800 ahli itu, membolehkan komuniti petani, peruncit dan pemborong daripada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memasarkan hasil keluaran mereka secara online.

Portal tersebut berperanan sebagai landasan untuk para petani membekal dan memasarkan hasil keluaran harian mereka melalui modul-modul e-rancangan, e-jual beli, e-stok dan e-lojistik yang berasaskan internet. Inisiatif ini adalah usahasama antara MIMOS Berhad dan Jabatan Pertanian untuk meningkatkan produktiviti dan persaingan di dalam sektor pertanian di samping merapatkan jurang digital.

Perdana Menteri juga mahu supaya kemudahan ini dapat diperluaskan ke seluruh negara setelah sesi percubaan sistem itu yang bermula setahun lalu, berjaya menarik minat ramai. Menurut Abdullah, penyediaan AgriBazaar yang beralamat www.agribazaar.com.my merupakan satu pendekatan baru kerajaan dalam usaha meningkatkan industri pertanian negara, sekali gus memberi keupayaan kepada para petani untuk memperoleh pendapatan yang jauh lebih besar daripada dahulu.

Beliau juga difahamkan melalui AgriBazaar, seorang pengusaha kerepek di Batu Pahat, Johor dapat menjual sejuta pekot kerepek ubi dalam tempoh sebulan, iaitu satu jumlah yang difikirkan tidak mampu dicapai sebelum ini. "Sektor pertanian kini berjalan dengan lancar dan kerajaan akan melaksanakan semua langkah yang perlu termasuk mengadakan pendekatan baru ini supaya masyarakat tani maju seiring dengan perkembangan sektor tersebut. Kita tidak mahu komputer hanya digunakan oleh golongan cendekiawan di universiti-universiti, tokoh-tokoh korporat atau orang kenamaan sahaja sebaliknya masyarakat kampung juga boleh menggunakan alat ini semudah mereka menggunakan cangkul," katanya.